

22 MARI 1972

—
Doktor Mahathir Muhamad telah di-pilih menjadi Ketua UMNO Chawangan Kota Sarang Semut, 10 batu dari sini dalam mesuarat agong UMNO chawangan itu semalam.

Dr. Mahathir telah di-pilih tanpa bertanding untuk menjadi Ketua UMNO chawangan itu.

Setiausaha UMNO chawangan tersebut Enche' Shafirul Haji Hashim memberitahu Utusan Malaysia di-sini hari ini bahawa Dr. Mahathir telah bersetuju menerima perlantikan tersebut setelah di-beritahu sebelum mesuarat agong di-adakan.

Meshuarat agong tersebut juga telah memilih Abdul Rashid Awang menjadi naib ketua, Enche' Shafirul Haji Hashim menjadi setiausaha, Enche' Dahalan Abdul Razak penolong setiausaha dan Zainab binti Chik menjadi bendahari, dan 10 orang ahli jawatankuasa.